

**Pengurusan Kes Noh Omar Saman Kerajaan Selangor, Adun Sekinchan 5 April
Bernama
22 Mac, 2012**

SHAH ALAM, 22 Mac (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini Khamis menetapkan 5 April ini untuk pengurusan kes saman Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Noh Omar terhadap Kerajaan Negeri Selangor dan Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Sekinchan Ng Suee Lin yang didakwa memfitnahnya melalui akhbar 'Selangor Kini'.

Penolong Kanan Pendaftar Mohamed Ruhaizat Abdullah memutuskan sedemikian ketika kes itu didengar di hadapannya hari ini.

Sebelum ini, pada satu sidang media, Noh yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor berkata beliau telah memfailkan saman fitnah terhadap Ng dan kerajaan Selangor di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi di sini pada 9 Mac lepas.

Selain Kerajaan Negeri Selangor, Noh turut menamakan enam orang dari sidang pengarang akhbar rasmi negeri Selangor itu sebagai defendan.

Noh, yang memfailkan saman melalui firma guaman Tetuan Hafarizam Wan & Aisha Mubarak, menuntut ganti rugi berjumlah RM20 juta.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=654126>